

## **TERMA RUJUKAN**

### **PERKHIDMATAN PENYEDIAAN LUKISAN KERJA ARKITEK UNTUK JABATAN KERJA RAYA BAGI PROJEK -**

#### **1.0 Objektif**

Objektif utama adalah untuk melantik pemberi perkhidmatan penyediaan lukisan kerja arkitek selaras dengan Kod Bidang Kementerian Kewangan iaitu Kod Bidang 22 (Perkhidmatan) Sub Bidang 11 (Guna Tenaga) dan Pecahan 01/02 (Ikhtisas/Separa Ikhtisas) bagi membantu pihak JKR menyediakan lukisan kerja bagi tujuan tender dalam tempoh masa yang singkat.

Set lengkap lukisan yang telah dipersetujui dan disahkan oleh pihak JKR mestilah bersedia untuk diserahkan pada ..... (akan ditentukan kemudian).

#### **2.0 Terma Perlantikan**

Perlantikan adalah secara lantikan terus selaras dengan SPP Bil. 12 Tahun 2007 dengan had pembelian tidak melebihi RM20,000.

#### **3.0 Maklumat-Maklumat Penyediaan Lukisan Kerja Oleh JKR**

- a. Mengemukakan *softcopy* dan *hardcopy* senarai lengkap nama lukisan beserta nombor lukisan, skala dan saiz lukisan sepertimana **Lampiran A**.
- b. Memaklumkan jumlah anggaran set lukisan kerja yang dikehendaki.

#### **4.0 Kadar Harga Lukisan Kerja.**

Kadar harga lukisan kerja yang ditawarkan oleh pemberi perkhidmatan hendaklah berdasarkan kepada saiz kertas A1 dan A3.

#### **5.0 Tugas dan Tanggungjawab Pemberi Perkhidmatan**

- a. Mematuhi format piawai lukisan kerja JKR dengan memastikan skala, saiz, tugas pen dan spesifikasi adalah selaras dengan kehendak JKR.

- b. Menghadiri perbincangan semakan lukisan kerja bersama pihak JKR dari semasa ke semasa apabila diarahkan.
- c. Mengoptimumkan penggunaan kertas dengan konfigurasi lukisan yang teratur beserta maklumat yang jelas.
- d. Caj bilangan sebenar helaian kertas bagi lukisan kerja akan ditentukan oleh pihak JKR.
- e. Pihak pemberi perkhidmatan hendaklah pada setiap masa memberikan hasil kerja yang bermutu dan konsisten.

#### **6.0 Jadual Penyediaan Lukisan Kerja**

Pemberi perkhidmatan diminta untuk menyediakan jadual penyediaan lukisan dengan mengambil kira peringkat-peringkat kerja berikut:

- i. Deraf pertama
- ii. Koordinasi lukisan kerja
- iii. Lukisan akhir